

LEMBAH KLANG

Tak tahan masalah banjir berulang

GOMBAK - Penduduk mendakwa banjir kilat yang melanda baru-baru ini lebih teruk berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Baru-baru ini, beberapa kawasan dinaiki air akibat taburan hujan tinggi berlaku sekitar jam 5 petang.

Kampung Kerdas 2 air naik setinggi satu kaki sementara Kampung Tengah Tambahan pula berlaku mendapan lumpur akibat tanah runtuh.

Ketua Komuniti Kampung Tengah Tambahan, Mairi Ahmad berkata, sejak setahun lalu kawasan perumahan penduduk kerap dinaiki air dan banjir lumpur disebabkan penerokaan tanah di tanah tinggi.

"Kawasan bukit ditarah untuk projek pembangunan dan ada pula tanah persendirian dijadikan tempat pembuangan

sampah haram.

"Setiap kali hujan, kami jadi mangsa dan kena bersihkan mendapan lumpur," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, perkara tersebut telah dipanjangkan kepada pihak berkaitan dan berharap tindakan segera diambil.

Dalam pada itu, Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan bersama Pusat Khidmat Masyarakat turut meninjau rumah penduduk yang terjejas.

Katanya, pihaknya cuba menyelesaikan masalah banjir secara berperingkat dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Gombak serta Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

"Punca penerokaan tanah dan salah guna tanah persendirian untuk pembuangan sampah haram telah



Antara rumah penduduk yang dinaiki air akibat banjir kilat.

menyebabkan penduduk tanah rendah terkena tempasnya.

"Kita akan minta PTD meneliti projek dan dikenakan tindakan tegas melibatkan projek yang dijalankan tanpa kebenaran perlu diambil untuk membendung kegiatan

tersebut menjadi serius," katanya.

Sementara untuk kes di Kampung Kerdas 2 katanya, pihaknya akan menambah jumlah longkang kawasan perumahan di situ untuk melancarkan sistem saliran.

Sistem saliran tersekat akibat lumpur

KUALA LUMPUR - Penduduk di Kampung Segambut Dalam kini resah kerana sering kali dilanda banjir kilat disebabkan projek melebarkan jalan yang sedang dilaksanakan di Lebuhraya Plus berhampiran kawasan tersebut.

Setiausaha Persatuan Anak-Anak Segambut, Irwan Sabei berkata, setiap kali hujan, air berlumpur dari tapak projek berkenaan akan mengalir turun dan mengganggu sistem saliran di kawasan ini sehingga menyebabkan banjir kilat.

Menurutnya, lumpur berkenaan menyebabkan sistem saliran tidak dapat berfungsi dengan sempurna.

"Ini menyukarkan penduduk yang menetap di kawasan ini dan kami harap agar pihak kontraktor dapat ambil perhatian," katanya kepada *Sinar Harian*.

Irwan berkata, laluan itu juga antara jalan utama penduduk di sini dan ia akan mengundang masalah sekiranya sering kali dilanda banjir kilat.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Segambut Dalam, Azme Mahmud berkata, pihaknya berharap kontraktor berkenaan dapat menjalankan kerja-kerja pembinaan dengan mengambil kira nasib penduduk yang menetap di kawasan itu.

Tambahnya, pihak persatuan sebelum ini juga telah memanjangkan hal tersebut kepada pihak bertanggungjawab.

Namun begitu, Azme memaklumkan bahawa sehingga kini masih belum ada maklum balas diterima berhubung isu berkenaan.



IRWAN

Pantas giat bersihkan pokok tumbang

SHAH ALAM - Pasukan Tindakan Segera (Pantas) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) giat membersihkan lokasi pokok tumbang yang berlaku di sekitar wilayah seliaan mereka.

Timbalan Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Komuniti MBSA, Shahrin Ahmad berkata, pasukan Pantas sebelum ini giat menjalankan kerja-kerja pembersihan di lokasi pokok tumbang di

U8, U2 Bukit Jelutong, Seksyen 6, 8 dan 9.

"Unit Pantas berfungsi sebagai barisan hadapan sekiranya berdepan situasi getir seperti pokok tumbang, tanah runtuh, banjir kilat kerana mereka bertugas 24 jam tujuh hari seminggu mengikut giliran tugas lapan jam setiap syif," katanya.

Bagi memperkasa persediaan aset dan petugas, Shahrin memaklumkan MBSA

sentiasa mengemas kini laporan cuaca daripada Jabatan Meteorologi.

"Kita ada enam bot dan sebuah lori pelbagai guna, gergaji rantai, jaket keselamatan termasuk bekalan diesel sekiranya berlakunya banjir kilat dan bencana alam.

"Pasukan Pantas sentiasa bersedia bergerak ke lokasi bencana di kawasan MBSA sekiranya menerima aduan dan masalah daripada penduduk," katanya.